

14/11/1999

Calon BN Khamis (HL)

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) yang sudah mencapai kata sepakat mengenai pengagihan kerusi dijangka menetapkan senarai calon menjelang Khamis ini manakala pemimpin Barisan Alternatif terus bertelagah mengenai pembahagian kerusi.

Semalam, Pengerusi DAP Kebangsaan Dr Chen Man Hin terkejut dengan kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor kelmarin bahawa pucuk pimpinan parti itu menolak formula sama rata pengagihan kerusi Parlimen.

Katanya, DAP hairan mengapa Fadzil menimbulkan isu berhubung formula pengagihan kerusi Parlimen bagi tiga parti utama pakatan pembangkang, sedangkan ia sebenarnya sudah dipersetujui minggu lalu.

Mengikut formula itu, tiga parti utama iaitu Pas, Keadilan dan DAP mendapat 48 kerusi Parlimen. Parti Rakyat Malaysia (PRM) pula diperuntukkan kerusi dari kuota DAP.

Ini bermakna formula berkenaan hanya menentukan kedudukan kerusi Parlimen bagi Semenanjung sedang 49 kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak belum diambil kira.

Pemimpin Barisan Alternatif iaitu Pas, DAP, Keadilan and Parti Rakyat Malaysia semalam mengadakan mesyuarat di sebuah hotel tetapi tidak dihadiri pemimpin dari Parti Reformasi Negeri (Star) dari Sarawak dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Jurucakap Barisan Alternatif yang baru dilantik, Rustam Sani berkata, mesyuarat itu tidak membincang formula pengagihan kerusi.

"Ia masih dikaji oleh sebuah jawatankuasa teknikal sebelum diluluskan oleh majlis Barisan Alternatif," tambahnya.

Sementara itu, Bernama melaporkan, Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan semua pemimpin parti komponen mulai Selasa untuk memutuskan senarai calon.

Dr Mahathir juga akan membincangkan bersama mereka mengenai pertukaran kerusi, jika ada, di kalangan 14 parti komponen BN itu.

Parti komponen BN yang berpusat di Semenanjung ialah Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP sementara dari Sabah ialah Parti Liberal Demokratik (LDP), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Parti-parti berpangkalan di Sarawak ialah Parti Pesaka Bersatu Bumiputera Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) and Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Pada Selasa, Dr Mahathir dijadual berjumpa dengan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, menurut satu sumber BN.

Pada Rabu, Perdana Menteri dijangka mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti komponen BN Sarawak, kata sumber itu.

Pemimpin dari Sabah dijangka Datuk Chong Kah Kiat dari LDP; Datuk Pandikar Amin Mulia (Akar Bersatu); Tan Sri Bernard Dompok (UPKO); Tan Sri Joseph Kurup (PBRs) dan Datuk Yong Teck Lee (SAPP).

Dari Sarawak ialah Tan Sri Abdul Taib Mahmud (PBB); Datuk Leo Moggie (PBDS); Datuk Amar George Chan (SUPP) dan Datuk Amar James Wong (SNAP).

Pada Khamis, Dr Mahathir dijadual berjumpa dengan Datuk M Kayveas dari PPP.

Jumlah kerusi yang akan dipertandingkan ialah 193 kerusi Parlimen termasuk Mambong di Sarawak yang menjadi kawasan Parlimen terbaru, dan 394

kerusi negeri (termasuk Sabah dan Sarawak).

Pilihan raya bagi Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Sabah tidak diadakan kali ini kerana pilihan raya Sabah baru diadakan pada Mac lalu manakala pilihan raya negeri Sarawak tidak perlu diadakan sehingga September 2000.

Pada Pilihan Raya Umum 1995, BN memenangi 162 kerusi Parlimen sementara pembangkang menawan 30 kawasan.

Keputusan pilihan raya 1995 menunjukkan Umno memenangi 89 kerusi Parlimen, MCA (30), MIC (tujuh), Gerakan (tujuh), PBB (10), PBDS (lima), SNAP (tiga), SUPP (tujuh), SAPP (dua), LDP (satu) dan seorang calon BN dari Sarawak yang tidak mewakili mana-mana parti komponen BN.

(END)